

## **BAB 4: PERNIAGAAN ANTARABANGSA**

### **Maksud Perniagaan Antarabangsa**

- Perniagaan antarabangsa ialah kegiatan jual beli yang dijalankan antara penduduk sebuah negara dengan penduduk negara lain.
- Ia melibatkan import, eksport dan entrepot.
- Kedua-dua perniagaan import dan eksport terdiri daripada import dan eksport nyata dan tak nyata.

### **Faktor Wujudnya Perniagaan Antarabangsa**

- Perbezaan sumber alam semulajadi
- Perbezaan kos pengeluaran.
- Hubungan antarabangsa
- Perbezaan tahap teknologi antara sesebuah negara

### **Kepentingan Perniagaan Antarabangsa**

#### **a) Kepentingan Kepada Pengguna**

- Dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
- Dapat mempelbagaikan pilihan yang beraneka jenis dan jenama
- Dapat menggunakan barang yang berkualiti pada harga yang rendah
- Meningkatkan taraf hidup kerana wujudnya banyak peluang pekerjaan.
- Menambahkan pengetahuan dan pengalaman kerana pendedahan kepada teknologi yang baru.

#### **b) Kepentingan Kepada Pengeluar**

- Meluaskan pasaran- dapat meningkatkan jualan/ untung bertambah
- Membolehkan pengeluaran secara besar-besaran
- Kos pengeluaran dapat dijimatkan dan keuntungan meningkat

- Pertukaran pengetahuan dan teknologi meningkatkan produktiviti dan kualiti barangan
- Lebih banyak sumber bahan mentah diperolehi
- Dapat menikmati ekonomi bidangan
- Kos pengeluaran dapat dikurangkan dan kualiti barang dapat dipertingkatkan

### **c) Kepentingan Kepada Negara**

- Menambahkan pendapatan Negara dan hasil kerajaan melalui duti kastam
- Memupuk persefahaman dan kerjasama antarabangsa
- Mendapat pertukaran asing- memperbaiki imbalan dagangan
- Mengurangkan pengangguran dengan wujudnya banyak peluang pekerjaan
- Mengatasi masalah kekurangan bahan mentah dan tenaga pakar

### **Perbandingan Perniagaan Dalam Negeri dan Perniagaan Antarabangsa**

#### **a) Persamaan Perniagaan Dalam Negeri dan Perniagaan Antarabangsa**

- Kedua-duanya melibatkan nilai pertukaran yang menggunakan mata wang
- Bertujuan mendapat keuntungan
- Dapat memenuhi keperluan dan kehendak manusia
- Mengamalkan pengkhususan
- Menggunakan faktor pengeluaran yang sama
- Menggunakan bantuan perniagaan yang sama

#### **b) Perbezaan Perniagaan Dalam Negeri dengan Perniagaan Antarabangsa**

##### **Perniagaan Dalam Negeri**

- Merangkumi aktiviti borong dan runcit

- Pengangkutan yang biasa digunakan ialah kereta api, lori, van dan sebagainya
- Tidak banyak sekatan perdagangan
- Aktivitinya hanya dalam negeri sahaja
- Melibatkan penggunaan sejenis matawang sahaja
- Menghadapi risiko yang rendah
- Melibatkan penggunaan dokumentasi yang mudah

### **Perniagaan Antarabangsa**

- Merangkumi aktiviti import, eksport dan entrepot
- Pengangkutan yang biasa digunakan ialah kapal laut dan kapal terbang
- Terdapat banyak sekatan perdagangan seperti tariff, kuota, dan sebagainya
- Aktivitinya merentasi sempadan negara
- Melibatkan penggunaan pelbagai matawang
- Menghadapi tingkat risiko yang tinggi
- Melibatkan penggunaan dokumentasi yang lebih rumit

### **PROSEDUR IMPORT DAN EKSPORT**

#### **PROSEDUR IMPORT**

- 1) Mematuhi undang-undang
- 2) Membuat pesanan
  - Secara langsung
  - Pejabat cawangan
  - Ejen import
  - Saudagar import
  - Lain-lain

- 3) Menerima bil muatan dan menjelaskan bayaran
- 4) Memenuhi keperluan Akta Kawalan Pertukaran Wang Asing 1953
- 5) Ketibaan barang di pelabuhan dan bersedia menerima barang
- 6) Menuntut barang dan membiayai duti kastam
- 7) Memeriksa barang dan mengangkut barang keluar dari pelabuhan

### **PROSEDUR EKSPORT**

- 1) Mencari pasaran dengan menjalankan penyelidikan pasaran
  - Eksport secara langsung
  - Pejabat cawangan
  - Saudagar eksport
  - Lain-lain
- 2) Menerima inden dan melaksanakan arahan dalam inden
- 3) Menempah ruang kargo dalam kapal atau kapal terbang
- 4) Menghantar barang ke pelabuhan
- 5) Menguruskan pelbagai prosedur kastam
- 6) Menyediakan dokumen berkaitan
- 7) Memuatkan barang dalam kapal
- 8) Menuntut barang daripada pengimport

### **Halangan Dalam Perniagaan Antarabangsa**

- Prosedur kastam yang rumit dan pelbagai sekatan perniagaan

- Penggunaan matawang yang berlainan.
- Bahasa yang berlainan menyukarkan proses komunikasi
- Risiko yang tinggi seperti kehilangan, kerosakan , kebakaran, kecurian dan lain-lain
- Cara pembayaran yang berbeza iaitu menggunakan bil perintah bayar dan kredit berdokumen
- Kestabilan politik sesebuah negara amat perlu
- Sistem timbangan dan sukatan yang berbeza juga menyukarkan
- Dokumentasi yang rumit seperti inden, sijil asal-usul, inouis konsular, bil muatan, bil udara, surat cagaran dan waran limbungan
- Standard dan syarat import yang berbeza antara negara menyukarkan peniaga
- Kesukaran mendapat maklumat

## **DOKUMEN PERNIAGAAN ANTARABANGSA**

### **Dokumen eksport dan import**

#### **Dokumen Perniagaan**

- Inden
- Inouis eksport
- Inouis konsular
- Sijil asal-usul

#### **Dokumen penghantaran**

- Bil muatan
- Bil udara
- Nota perkapalan

### **Dokumen insurans dan kastam**

- Polisi insurans
- Borang Perakuan Kastam

### **Dokumen pembayaran**

- Bil perintah Bayar
- Kredit Berdokumen
- Surat Cagaran

### **Dokumen dan Kegunaan**

#### **Inden**

- Pesanan bertulis.
- Terdapat dua jenis inden iaitu inden terbuka dan inden tertutup

#### **Invois Eksport**

- Dihantar oleh pengeksport kepada pengimport mengandungi maklumat lengkap tentang barang

#### **Invois Konsular**

- Dikeluarkan oleh negara pengimport sebagai kebenaran untuk pengeksport membawa masuk barang ke negaranya.

#### **Sijil Asal-usul**

- Dikeluarkan oleh dewan perdagangan negara pengeksport. Ia mengandungi maklumat tentang negara asal yang mengeluarkan barang

#### **Bil Muatan**

- Dikeluarkan oleh syarikat perkapalan kepada pengeksport
- Merupakan dokumen hak milik
- Boleh dicagarkan kepada pihak bank untuk mendapat pinjaman

### **Bil Udara**

- Dikeluarkan oleh syarikat penerbangan kepada pengeksport
- Berfungsi sebagai bukti pengakuan penerimaan barang

### **Nota Perkapalan**

- Dihantar oleh syarikat perkapalan kepada Lembaga Pelabuhan. Bertujuan meminta pihak pelabuhan memunggah barang ke dalam kapal

### **Polisi Insurans**

- Dikeluarkan oleh syarikat insurans untuk menjamin barang yang diangkat dilindungi dari risiko kecurian, kebakaran, kerosakan dan lain-lain

### **Borang Perakuan Kastam**

- Memudahkan pihak kastam memeriksa barang apabila sampai ke pelabuhan

### **Bil Perintah Bayar**

- Salah satu alat pembayaran dalam perniagaan antarabangsa

Boleh dijadikan cagaran

### **Kredit Berdokumen**

- Surat kredit yang dikeluarkan oleh pengimport. Bank menjamin akan membayar segala bil yang dituntut oleh pengeksport

### **Surat Cagaran**

- Dihantar oleh pengeksport kepada bank pengimport. Bank pengimport diberi kuasa menjual barang sekiranya pengimport gagal menjelaskan bayaran